



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 FEBRUARI 2021 (AHAD)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| - Kes baharu menurun kepada 2461 kes | 5 |
|--------------------------------------|---|

**Metro Ahad**

- |   |   |
|---|---|
| - 40.7 peratus kes harian baharu datang dari Selangor | 7 |
| - 2461 lagi positif, 8 Kematian direkod               | 6 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 FEBRUARI 2021 (AHAD)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kes baharu menurun kepada 2461 kes
Muka Surat	5

SINAR AHAD • 21 FEBRUARI 2021 5

**MEMERANGI WABAK COVID-19**

*Sabtu & Ahad 21/2/2021 ms5*

**Sinar Ahad** MOMPUKA PERSpektif

**Sinar untuk Malaysia**

# Kes baharu menurun kepada 2,461 kes

Sebanyak lapan kematian dilaporkan menjadikan kes kumulatif sebanyak 1,051 kes

**KUALA LUMPUR**



DR NOOR HISHAM

**M**alaysia mencatatkan penurunan kes baharu Covid-19 kepada 2,461 kes pada Sabtu daripada 2,936 yang dicatatkan pada Jumaat, kata Ketua Penggaris Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Semua kes baharu adalah penularan dalam negara yang melibatkan seramai 1,589 warga tempatan dan 872 bukan warganegara, menjadikan kes terkumpul positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 280,272 kes dengan kes aktif sebanyak 34,468 kes," katanya dalam satu kenyataan berhubung perkembangan Covid-19 pada Sabtu.

Beliau berkata, selain dari itu, sebanyak 4,782 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 244,753 kes atau 87.3 peratus daripada kes seluruhnya.

Pada itu, sebanyak 4,782 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 244,753 kes atau 87.3 peratus daripada kes seluruhnya.

Perak (108), Kelantan (257), Johor (233), Kuala Lumpur (230), Sarawak (134), Sabah (109),

Mengulas mengenai lapan kematian baharu, Dr Noor Hisham berkata, kesemua kes melibatkan warganegara iaitu tiga wanita dan lima lelaki berumur lingkungan 46 hingga 81 tahun yang mempunyai masalah kesihatan kronik.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak 10 kluster baharu dikenal pasti pada Sabtu dengan kesemuanya adalah kluster di tempat kerja menjadikan jumlah kluster aktif kini sebanyak 510 kluster. - Bernama



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 FEBRUARI 2021 (AHAD)**

Akhbar	Metro Ahad
Tajuk Berita	40.7 peratus kes harian baharu datang dari Selangor
Muka Surat	7

**covid-19**

*Metro Ahad 21/2/2021 no 7*

## **40.7 peratus kes harian baharu datang dari Selangor**

**Kuala Lumpur:** Selangor merekodkan kes harian baharu tertinggi sebanyak 1,001 kes atau 40.7 peratus berbanding 2,461 kes baharu Covid-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu sebanyak 757 kes atau 75.6 peratus adalah membabitkan kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

Beliau berkata, kes kedua tertinggi diikuti oleh Kelan-

tan sebanyak 257 kes (10.4 peratus) dan Johor sebanyak 233 kes (9.5 peratus).

“Sebanyak 298 kes (12.1 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Bukit Besi (146 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (50 kes), Kluster Tembok Bendera (39 kes), Kluster Tembok Tapah (33 kes),

Kluster Damai Pela-

ngi (13 kes), Kluster DTI Sepong 2 (8 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (6 kes), dan Kluster Tembok Mempaga (3 kes),” katanya.

Menurutnya, lapan kes ketamian direkodkan membabitkan empat kes di Sarawak dan masing-masing satu kes di Selangor, Sabah, Perak, serta Kelantan.

Semua kes ketamian membabitkan warganegara.

Katanya,

10 kluster baharu dikenal pasti semalam dan semua kluster adalah kluster berkaitan tempat kerja.

Menurutnya, empat kluster baharu dikesan di Johor iaitu Jalan Tanjung Enam, Jalan Wawasan 14, Batu Dua Setengah dan Jalan Lapangan Terbang.

“Dua kluster baharu dikenal pasti di Selangor iaitu Perdana Tiga dan Jalan Perusahaan

Satu. Ada dua kluster baharu di Perak iaitu Batu Sebelas dan Jalan Pelabuhan.

“Manakala satu kluster baharu dikesan masing-masing di Sabah (Jalan Pasar) dan Negeri Sembilan (Tapak Bina Kasia),” katanya.

Katanya, sehingga 20 Februari 2021, sejumlah 1,608 kluster dikenal pasti.

Jumlah kluster tamat adalah 558 kluster termasuk 11 kluster iaitu Kluster Jalan Terolak, Kluster Persiaran Tasik, Kluster Jalan Mawila, Kluster Rawa Akasia, Kluster Pasar Baru, Kluster Sawmill Luit, Kluster Pantai Peringgit, Kluster Kampung Badak, Kluster Jalan Ijuk, Kluster Belati, dan Kluster Setapak Indah.

“Jumlah kluster aktif adalah 510 kluster; jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu adalah 91 kluster dan kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Tembok Bukit Besi (146 kes), Kluster Sungai Putus (128 kes), dan Kluster Tanjung Suria (64 kes),” katanya.

**Sebanyak  
1,001 kes positif  
Covid-19 dicatatkan  
di Selangor semalam**



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**21 FEBRUARI 2021 (AHAD)**

Akhbar	Metro Ahad
Tajuk Berita	2461 lagi positif, 8 Kematian direkod
Muka Surat	6

*Penularan COVID-19*

# 2,461 lagi positif, 8 kematian direkod

BH 21/2/2021 m/s 6

Selangor catat kes harian baharu tertinggi, 207 pesakit dirawat di ICU

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 2,461 jangkitan baharu COVID-19 direkodkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan 280,272 kes.

Seramai lapan pesakit meninggal dunia dan jumlah keseluruhan kes kematian berkaitan COVID-19 ialah 1,051 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 1,589 jangkitan semalam atau 64.6 peratus berlaku dalam kalangan rakyat tempatan, manakala 872 kes atau 35.4 peratus lagi membabitkan warga asing dan tiada kes import dilaporkan.

Beliau berkata, setakat ini kes aktif ialah 34,468 kes dan ada 4,782 pesakit pulih, menjadikan jumlah kumulatif kes sembah sebanyak 244,753 kes atau 87.33 peratus.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi, iaitu sebanyak 1,001 kes (40.7 peratus) dan daripada jumlah ini, 757 kes (75.6 peratus) daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif di lapangan.

"Ini diikuti oleh Kelantan

sebanyak 257 kes (10.4 peratus) dan Johor sebanyak 233 kes (9.5 peratus).

"Sebanyak 298 kes (12.1 peratus) yang dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara dan depoh tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Bukit Besi (146 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (50 kes), Kluster Tembok Bendera (39 kes).

"Kluster Tembok Tapah (33 kes), Kluster Damai Pelangi (13 kes), Kluster DTI Sepang 2 (lapan kes), Kluster Tembok Sungai Udang (enam kes), dan Kluster Tembok Mempaga (tiga kes)," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 207 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 91 kes memerlukan alat bantu-



**Dr Noor Hisham Abdullah**

an pernafasan.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan lapan kematian semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian berkaitan COVID-19 di negara ini sebanyak 1,051 atau 0.37 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Kes kematian pada hari ini (semalam) membabitkan empat kes di Sarawak dan masing-masing satu kes di Selangor, Sabah, Perak, dan Kelantan. Semua kes kematian membabitkan warga negara," katanya.

Beliau berkata, mereka berusia antara 46 hingga 81 tahun, iaitu tiga wanita dan lima lelaki serta menghidap pelbagai penyakit kronik.